



KEMENTERIAN
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



2014-2018

FAKTOR PENENTU KEJAYAAN

TERAS PERKHIDMATAN
PNM

STRATEGI DAN
PELAN TINDAKAN

Pelan Strategik

Perpustakaan Negara Malaysia



Sila ambil gambar kod QR
dengan telefon pintar untuk
akses maklumat lengkap

www.pnm.gov.my




KEMENTERIAN
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA




2014-2018



STRATEGI DAN
PELAN TINDAKAN



TERAS PERKHIDMATAN
PNM



FAKTOR PENENTU KEJAYAAN

Pelan Strategik

Perpustakaan Negara Malaysia



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

ڤرڤوستاڪاڤن نڪارا مليسيا




Kandungan

PRAKATA	> 4
LATAR BELAKANG	> 6
SEJARAH PENUBUHAN	> 6
RINGKASAN EKSEKUTIF	> 8
VISI DAN MISI	> 10
TERAS PERKHIDMATAN	> 11
CARTA ORGANISASI	> 12
FUNGSI DAN PERANAN	> 13
PUNCA KUASA	> 15
STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN	> 16
ANALISIS PERSEKITARAN DAN ISU STRATEGIK	> 17
TERAS PERKHIDMATAN 1	> 22
TERAS PERKHIDMATAN 2	> 29
TERAS PERKHIDMATAN 3	> 34
TERAS PERKHIDMATAN 4	> 40
TERAS PERKHIDMATAN 5	> 46
ELEMEN PENENTU KEJAYAAN BERDASARKAN TUMPUAN STRATEGIK	> 49
PENUTUP	> 52

**“Bersama
Menerapkan
Budaya
Membaca”**



Prakata



Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
Salam 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 2014-2018 merupakan 'blue print' yang bakal memandu warga kerja ke arah budaya kerja yang lebih berkualiti dan berdaya saing selaras dengan transformasi pentadbiran kerajaan dalam merealisasikan aspirasi Wawasan 2020. Untuk tempoh 2014 - 2018, PNM mengemaskini Misi, Visi dan Objektif Jabatan agar ianya lebih segar dan menepati peranan Jabatan dalam era transformasi teknologi dan komunikasi maklumat masa kini.

Makmal Perancangan Pelan Strategik PNM 2014 - 2018 ini telah diadakan pada 9 - 11 Disember 2013 bertempat di Awana Golf & Country Resort, Genting Highlands, Pahang untuk mengkaji semula dan menilai pencapaian pelan tindakan bagi



tempoh 2009-2013 serta membuat pengubahsuaian Pelan Strategik bagi tahun 2014-2018. Makmal ini merupakan wadah terbaik untuk memperkasakan sistem penyampaian perpustakaan disamping melahirkan idea dan strategi baru yang mampu mengubah lanskap persepsi masyarakat terhadap perpustakaan.

Justeru semasa pelaksanaan makmal yang disertai oleh pegawai-pegawai kanan PNM yang turut diketuai oleh saya sendiri telah menggariskan 5 teras utama yang akan menjadi tulang belakang kepada pencapaian misi dan visi Jabatan. Setiap teras turut menyediakan Pelan Tindakan yang komprehensif dengan memberi fokus kepada setiap sasaran tertentu dan diangkat sebagai Petujuk Prestasi bagi memudahkan penilaian pencapaian pada masa akan datang. Dengan adanya Pelan Perancangan Strategik ini, ianya akan dijadikan panduan dan halatuju seluruh warga kerja Jabatan.

Sebagai asas bagi menyokong pencapaian lima teras ini, jentera pelaksana yang dinamik, berupaya dan mahir dibangunkan supaya sistem penyampaian sumber maklumat dapat memenuhi kehendak golongan sasar. Dalam hubungan ini, kerjasama daripada semua pegawai dan kakitangan PNM untuk bekerjasama sebagai satu pasukan dan untuk melaksanakan setiap tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komitmen adalah diperlukan bagi mencapai misi, visi dan objektif Jabatan. Seluruh warga kerja PNM mempunyai peranan yang cukup penting dan kita perlu bersama-sama berusaha dalam menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing supaya Pelan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

DATO' RASLIN ABU BAKAR
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

2 Januari 2014



Latar Belakang

Perpustakaan Negara Malaysia



Nadi kemajuan sesebuah negara terletak kepada teras pendidikan rakyatnya yang mana acuan falsafah pendidikannya menyediakan kemudahan untuk mencari dan mendapatkan ilmu pengetahuan. Justeru, bagi memenuhi keperluan ini, Perpustakaan Negara ditubuhkan sebagai sebuah unit di Jabatan Arkib Negara pada tahun 1966.

Fungsi utama Perpustakaan Negara pada ketika itu adalah untuk melaksanakan tugas seperti yang terkandung dalam Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966. Kerajaan berpandangan jauh dan inginkan rakyat Malaysia membangun dengan budaya ilmu sebagai aset utama negara.

Justeru, objektif dan fungsi PNM diperkukuhkan dengan pewartaan Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) yang membolehkan Perpustakaan Negara diiktiraf sebagai sebuah Jabatan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1977 bagi melaksanakan tanggungjawab dalam hal-ehwal berkaitan pembangunan perpustakaan di Malaysia serta penyuburan budaya ilmu.

SEJARAH PENUBUHAN

Sejak penubuhannya pada tahun 1972, PNM telah beroperasi di beberapa premis iaitu di Jalan Venning (Jalan Perdana), Bangunan MABA, Bangunan UMBC, Wisma Tharkudas/Sachdev, Bangunan SYS dan Bangunan Exchange Square.

Akhirnya, pencarian tapak kekal dapat disempurnakan pada tahun 1992 apabila PNM telah berpindah ke bangunan sendiri yang tersergam indah di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

PNM sentiasa mengutamakan perkhidmatan berorientasikan pelanggan serta berbekalkan keazaman yang utuh untuk bersama kepimpinan negara dan seluruh rakyat Malaysia bagi merealisasikan agenda negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Dengan barisan sumber manusia yang kompeten serta komitmen untuk melaksanakan tugas secara profesional, PNM bersedia meneraju pembangunan perpustakaan alaf digital serta memimpin negara ke arah mewujudkan masyarakat berilmu dan berdaya saing.

Bagi memastikan kelestarian dan kelancaran pengurusan PNM, Kerajaan telah meletakkan PNM di bawah beberapa Kementerian iaitu:

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1972 – 1983)
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (1983 – 1987)
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1987 – 1991)
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1991-2005)
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (2005 – 2006)
- Kementerian Perpaduan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (2006 – 2009)
- Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (2009-2013)
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (2013 – kini)

Seiring dengan penambahan pengguna, koleksi dan peralatan bagi meremajakan perkhidmatan, PNM pada masa kini menjalankan operasinya di empat (4) premis berasingan seperti berikut:

- Menara PNM (Bangunan Annex), 232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur.
- Bangunan Anjung Bestari, 232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur.
- Menara Wisma Sejarah, Tingkat 3 & 4, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.
- Wisma Able Match, Jalan Chan Sow Lin, Off Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Kerajaan berlitizam untuk melihat sistem pengurusan perpustakaan di Malaysia ditadbir urus secara bersepadu di bawah Kerajaan Persekutuan agar kemajuan perpustakaan dapat diseimbangkan antara negeri-negeri untuk kepentingan rakyat.

Justeru, pada tahun 2010 satu sejarah baharu tercipta apabila PNM berjaya menyelaraskan khidmat pengurusan dan sumber manusia Perpustakaan Awam Negeri Perlis sekaligus menjadi perpustakaan awam negeri pertama yang ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan. Ia kemudian dikenali dengan nama baharu iaitu PNM Negeri Perlis. Dalam usaha memudahkan masyarakat di pinggir bandar untuk mendapatkan perkhidmatan perpustakaan, PNM dengan kerjasama syarikat korporat turut menubuhkan 3 buah perpustakaan komuniti iaitu di AEON Jusco Setiawangsa, AEON Jusco Bandar Mahkota Cheras dan Bukit Damansara.

PNM turut memberikan fokus utama terhadap keperluan masyarakat luar bandar untuk mendapat akses maklumat dan bahan bacaan secara fizikal. Justeru, mulai tahun 2006 hingga kini PNM telah berjaya membina sebanyak 475 buah Perpustakaan Desa di seluruh negara bagi membantu semua perpustakaan awam negeri mempercepatkan sebaran ilmu dan maklumat dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Kerajaan berharap agenda negara untuk mewujudkan masyarakat berilmu (*knowledge society*) menerusi pembudayaan amalan membaca dapat direalisasikan secara menyeluruh di kalangan rakyat Malaysia.

Ringkasan Eksekutif



Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2014 - 2018 adalah satu dokumen perancangan utama yang menentukan hala tuju Jabatan bagi tempoh masa 5 tahun.

Ia merupakan sumber rujukan semua warga PNM dalam membuat perancangan dan melaksanakan program/aktiviti berdasarkan strategi, pelan tindakan dan sasaran yang telah ditetapkan berasaskan nilai-nilai bersama yang turut dikongsi oleh pihak berkepentingan dan pelanggan.

Pelan strategik ini disejajarkan dengan agenda utama negara iaitu Gagasan 1Malaysia, Pelan Transformasi Kerajaan (PTK), Model Baharu Ekonomi (MBE) dan RMKe-10 dan RMKe-11 serta dasar-dasar yang mempunyai

kaitan langsung dengan perkhidmatan perpustakaan iaitu Dasar Negara Bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat, Pelan Induk Digital Malaysia, Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) dan Dasar Buku Negara. Di samping itu, ia turut menyokong Dasar Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025.

Pelan ini turut disejajarkan dengan hala tuju Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) iaitu membangunkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia menerusi program/aktiviti ilmu yang berpotensi menarik pelancong. Perancangan strategik dan pelan tindakan adalah berdasarkan kepada analisis persekitaran, senario semasa, cabaran serta potensi ke arah mencapai visi dan misi PNM iaitu:

Visi

“Peneraju Pembangunan dan Perkhidmatan Perpustakaan di Malaysia Bertaraf Dunia Menjelang Tahun 2020”

Misi

“Memperkasakan Penyampaian Sumber Maklumat Berkualiti Melalui Perkhidmatan Perpustakaan Bagi Membentuk Masyarakat Berilmu Pengetahuan”

5 teras perkhidmatan yang menjadi tunjang kepada pelan strategik ini adalah:

- Pembangunan Perpustakaan dan Profesion Kepustakawanan Bagi Penyediaan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Berkualiti.
- Pemantapan Pemeliharaan Khazanah Intelek Negara Bagi Penjana Ilmu.
- Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat Bagi Menyokong Pembelajaran Sepanjang Hayat.
- Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Digital Bagi Mempertingkatkan Kebolehcapaian Maklumat.
- Pemupukan Budaya Membaca Bagi Membentuk Masyarakat Berilmu Pengetahuan.

Analisis persekitaran digunakan dalam menentukan strategi dan pelan tindakan yang sesuai iaitu dengan memaksimumkan kekuatan dan peluang bagi mengatasi kekurangan dan cabaran semasa yang wujud dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan perpustakaan.

Selain itu, analisis trend terkini di peringkat global dalam dunia perpustakaan dan kepustakawanan seperti *Information for All Programme (IFAP)* oleh UNESCO dan *IFLA Trend Report 2013* yang diinisiatifkan oleh *International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)* turut diambilkira iaitu:

- *New technology will both expand and limit who had access to information*
- *Online education will democratise and disrupt global learning*
- *The boundries of privacy and data protection will be redefined*
- *Hyper connected societies will listen to and empower new voices and groups*
- *The global information will be transfer by new technologies*

Senario dunia yang dijangka terus berubah seiring perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyebabkan keperluan masyarakat terhadap ilmu dan maklumat yang disediakan oleh institusi pengurusan maklumat seperti perpustakaan menjadi semakin rencam dan kritikal.

Pencapaian pelan strategik ini adalah bergantung kepada kerjasama kolektif di antara 23 bahagian termasuk PNM Negeri Perlis. Strategi-strategi yang digariskan diterjemahkan menerusi pelan tindakan khusus yang disusun mengikut keutamaan dan tempoh masa pelaksanaan.

Dalam tempoh pelaksanaan, satu kajian semula akan dilaksanakan pada tahun 2016 bagi menilai tahap keberkesanan pelaksanaan dan menyesuaikan strategi sedia ada dengan strategi baharu berdasarkan perkembangan semasa pada waktu itu. Penilaian pencapaian pelan strategik akan dibuat secara berkala (setiap 6 bulan) oleh sebuah jawatankuasa peringkat Jabatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah/Timbangan Ketua Pengarah.

Kesimpulannya, Pelan Strategik PNM 2014 – 2018 merupakan satu dokumen rujukan utama mengenai perancangan komprehensif PNM yang perlu dipatuhi dan dikemaskini bagi merealisasikan satu perkhidmatan perpustakaan berkualiti kepada rakyat Malaysia daripada warga kerja dalam bidang kepustakawanan yang profesional, komited dan berkemahiran tinggi.

Visi

“Peneraju Pembangunan dan Perkhidmatan
Perpustakaan di Malaysia Bertaraf Dunia
Menjelang Tahun 2020”



Misi

“Memperkasakan Penyampaian
Sumber Maklumat Berkualiti
Melalui Perkhidmatan
Perpustakaan Bagi Membentuk
Masyarakat Berilmu
Pengetahuan”

Teras Perkhidmatan

Perpustakaan Negara Malaysia

1

Penguahan Pembangunan Perpustakaan Dan Profesion
Kepustakawanan Bagi Penyediaan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Yang Berkualiti

OBJEKTIF

1. Memperluaskan perkembangan perpustakaan di Malaysia setaraf dengan sistem perkhidmatan perpustakaan di dunia.
2. Memperkasakan kepimpinan dan profesion kepustakawan yang berkompetensi dan berprestasi tinggi.

BKPSM, BPSM, BPDK, BKNP, BPP, BRP, BPbtn

2

Pemantapan Pemeliharaan Khazanah Intelek Negara Bagi Penjana Ilmu.

OBJEKTIF

1. Pemantapan koleksi sumber maklumat negara yang komprehensif
2. Pemerkasaan pemeliharaan khazanah intelek Negara
3. Pemantapan sistem pengurusan rekod bibliografi sumber maklumat Negara (pendokumentasian)
4. Pemantapan tadbir urus pembinaan koleksi dan pendokumentasian

PPTN, PBN
BKT, BP

3

Memperkuh Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Dan Maklumat Bagi Menyokong Pembelajaran Sepanjang Hayat

OBJEKTIF

1. Memperkasakan penyampaian perkhidmatan perpustakaan menerusi agenda transformasi perpustakaan digital
2. Meningkatkan kadar literasi maklumat masyarakat Malaysia menerusi program literasi maklumat yang bersepadu
3. Meningkatkan penggunaan koleksi perpustakaan menerusi program promosi perkhidmatan perpustakaan secara bersepadu dan menyeluruh

PMMa, PMMe,
BMU, BKP, BPM
B Pjmn

4

Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Digital Bagi Mempertingkatkan Kebolehcapaian Maklumat

OBJEKTIF

1. Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Berteraskan ICT Secara Lebih Meluas ke Seluruh Negara
2. Mempertingkatkan kebolehcapaian sumber maklumat untuk memenuhi keperluan rakyat
3. Memperkaya dan memudahkan capaian kandungan maklumat digital kepada rakyat dengan lebih efisien

PERDANA, BTM,
BPD, BPK, BRSP

5

Pemupukan Budaya Membaca Bagi Masyarakat Berilmu Pengetahuan

OBJEKTIF


1. Melahirkan masyarakat berilmu dan mengamalkan nilai-nilai murni melalui pembelajaran sepanjang hayat.

BGLM
BPjm
PNM
Negeri Perlis



Carta Organisasi

Perpustakaan Negara Malaysia



Carta ini mengikut Waran Perjawatan Bil. E71 Tahun 2013 bertarikh 10.06.2013 berkuatkuasa pada 10.06.2013

TELAH DIKEMASKINI PADA 01.01.2013

Fungsi dan Peranan



AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972 (AKTA 80)

Fungsi Perpustakaan Negara Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) Perkara 4. (1) adalah seperti berikut:

- (a) Menasihati Menteri tentang polisi negara bagi segala perkara yang berkenaan dengan perpustakaan dan segala perkara lain yang berhubungan dengan perpustakaan.
- (b) Memberikan nasihat dan membantu dalam perancangan dan perkembangan perpustakaan di peringkat kebangsaan.
- (c) Memperoleh dan menyelenggarakan suatu koleksi sumber perpustakaan yang lengkap di peringkat kebangsaan yang mencerminkan warisan intelektual, kesusasteraan dan kebudayaan negara dan juga suatu koleksi representative di peringkat kebangsaan yang mencerminkan pengetahuan dan kebijaksanaan manusia yang terkumpul.



- (d) Menubuhkan di dalam perpustakaan:
 - (i) Pusat Penyerahan Negara untuk simpanan dan pemuliharaan sumber perpustakaan yang diterima.
 - (ii) Pusat Bibliografi Negara untuk penyelenggaraan rangkaian bibliografi kebangsaan dan penyediaan perkhidmatan bibliografi dan dokumentasi kebangsaan.
 - (iii) Pusat Kebangsaan bagi manuskrip Melayu untuk pemerolehan, pendokumentasian dan penggunaan manuskrip Melayu.
- (e) Menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat, perujukan, reprografi dan peminjaman.
- (f) Menyediakan kemudahan di dalam perpustakaan untuk membolehkannya berfungsi sebagai:
 - (i) Titik tumpuan negara bagi sistem maklumat negara.
 - (ii) Pusat kebangsaan bagi peminjaman dan pertukaran sumber perpustakaan untuk menggalakkan ketersediaan terbitan di peringkat kebangsaan dan sejagat.
- (g) Menggalakkan dan menyelaraskan perkembangan dan penggunaan sumber perpustakaan di negara ini.
- (h) Menggalakkan dan memudahkan penubuhan sistem perpustakaan awam seluruh negara selaras dengan piawai kebangsaan bagi mengadakannya.
- (i) Menggalakkan penubuhan suatu rangkaian perpustakaan khusus selaras dengan piawai kebangsaan bagi mengadakannya.
- (j) Menggalakkan dan memudahkan kerjasama kebangsaan dan antarabangsa dan perkongsian sumber di antara perpustakaan.
- (k) Mengusahakan dan memudahkan penyelidikan dalam perkara perpustakaan.
- (l) Menyediakan latihan untuk meningkatkan profesionalisme dalam perkara perpustakaan.
- (m) Menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca.
- (n) Bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan dan perkembangan Bahasa Malaysia.
- (o) Bekerjasama dengan badan ikhtisas dan badan lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi perkembangan perpustakaan.
- (p) Meminjamkan, menjual atau secara lain melupuskan sumber perpustakaan yang menjadi sebahagian daripada perpustakaan.
- (q) Melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu untuk melaksanakan tujuan yang disebut dalam Seksyen 3.

AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN 1986 (Akta 331)

Seksyen 5

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) (Seksyen 5) merupakan punca kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah bagi melaksanakan fungsi-fungsi seperti berikut:

- untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan;
- untuk menyelenggarakan suatu daftar yang mengandungi butir-butir bahan perpustakaan;
- untuk menerbitkan bibliografi negara pada kekerapan yang ditetapkan yang rnengandungi butir-butir bahan perpustakaan itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah; dan
- untuk menyelenggarakan rekod-rekod statistik bahan perpustakaan.




Punca Kuasa

Perpustakaan Negara Malaysia



Stakeholders dan Pelanggan



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Analisis Persekitaran dan Isu Strategik

Analisis persekitaran digunakan dalam menentukan strategi dan pelan tindakan yang sesuai iaitu dengan memaksimumkan kekuatan dan peluang bagi mengatasi kekurangan dan cabaran semasa yang wujud dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan perpustakaan kepada rakyat Malaysia.

PERKEMBANGAN PERPUSTAKAAN DIGITAL DI MALAYSIA

Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mengubah corak perkhidmatan maklumat yang disediakan oleh perpustakaan. Perubahan ini juga turut dipengaruhi oleh perubahan trend masyarakat terhadap maklumat yang semakin beragam dan kritikal.

Ledakan maklumat bermula sekitar tahun 60-an lagi dan susulan daripada itu, kita dapat menyaksikan perkembangan dan pertumbuhan pesat teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), bermula seawal dekad 80-an lagi. Kepsatan ICT di Malaysia serta dengan munculnya Internet sekitar awal 90-an telah membuatkan dunia yang semakin mengecil di mana komunikasi, interaksi dan perhubungan tidak lagi ada batasannya.

Kini, pada abad ke-21, kita berganjak ke era digital. Perkembangan dunia digital menyebabkan timbulnya fenomena moden seperti ekonomi berasaskan pengetahuan (k-economy), globalisasi, liberalisasi dan urbanisasi. Fenomena perubahan ini menuntut institusi perpustakaan untuk segera melakukan perubahan secara holistik.

TRANSFORMASI PERPUSTAKAAN DALAM ERA DIGITAL

Perpustakaan mempunyai peranan dan memberi sumbangan yang penting di dalam mewujudkan masyarakat berilmu (*knowledge based society*), mengamalkan budaya membaca dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*). Ini kerana masyarakat berilmu adalah faktor penentu kepada hasrat kerajaan untuk



mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 nanti. Justeru peranan yang dimainkan oleh perpustakaan adalah penting dan tidak terkecuali daripada melakukan transformasi sejajar dengan agenda pembangunan negara.

PERANAN DAN CABARAN PERPUSTAKAAN DALAM ERA DIGITAL

Peranan perpustakaan telah berubah daripada menyediakan perkhidmatan secara tradisional kepada perkhidmatan secara maya. Secara asasnya, transformasi perpustakaan perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (i) Pertama, mempunyai koleksi bahan rujukan terkini yang mampu memenuhi keperluan maklumat pengguna sama ada dalam bentuk bercetak atau elektronik;
- (ii) Kedua, menyediakan perkhidmatan maklumat yang terkini selari dengan trend terkini pencarian maklumat oleh pengguna;
- (iii) Ketiga, menyediakan kakitangan perpustakaan yang kompeten dalam pengurusan maklumat media baru dan berkebolehan membantu dan membimbing pengguna menginterpretasi dan mencapai sumber maklumat yang diperlukan;
- (iv) Keempat, menyediakan ruang kemudahan dan fasiliti yang lengkap dan kondusif yang mampu menjadi tarikan kepada seluruh anggota masyarakat seterusnya menggalakkan minat membaca dan budaya ilmu serta inovasi; dan
- (v) Kelima, menjalankan program literasi maklumat atau “*hands on training*” untuk mempromosi kandungan digital.

Selera pengguna kita, terutamanya dari kalangan generasi muda kini, ternyata telah berubah. Cabaran besar perkhidmatan perpustakaan pada hari ini ialah memenuhi perubahan persekitaran yang dinamik serta ekspektasi pelanggan dan juga stakeholders yang semakin tinggi. Dengan kewujudan perpustakaan digital, sumber maklumat yang dimiliki oleh perpustakaan dalam pelbagai format dapat diorganisasikan dan dicari di dalam internet.

Malahan, bagi memenuhi trend pengguna perpustakaan masa kini, perpustakaan digital juga perlu menyediakan koleksi multimedia yang jauh lebih fleksibel dan padu di mana boleh dilayari dan dicari dalam pelbagai dimensi dan membolehkan penglibatan aktif pengguna.

Senario ketika ini, kita dapat melihat bahawa kebanyakan perpustakaan di negara kita kini sedang giat berusaha mentransformasikan perkhidmatan mereka secara digital. Begitu juga dengan usaha-usaha pendigitalan koleksi serta penyediaan akses kepada sumber ilmu dan maklumat secara digital, kini sedang dan akan terus dilaksanakan oleh kebanyakan perpustakaan di negara ini.

DIGITAL MALAYSIA: KOMITMEN KERAJAAN

Komitmen Kerajaan untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi terus dilaksanakan menerusi Digital Malaysia yang akan memacu penciptaan kekayaan negara dan meningkatkan standard kehidupan rakyat sekaligus mencapai status ekonomi digital berasaskan pengetahuan dengan memanfaatkan sepenuhnya kelebihan teknologi maklumat dan komunikasi.

Sehubungan itu, institusi perpustakaan perlu menyokong transformasi tersebut menerusi langkah-langkah berikut iaitu:

- (i) menyediakan capaian kepada kandungan digital (*born digital/digitized*);
- (ii) menyediakan capaian kepada bahan perpustakaan dalam talian (24 x 7); dan
- (iii) melengkapkan infrastruktur perpustakaan bagi tujuan capaian secara menyeluruh.

Usaha-usaha yang dilaksanakan PNM dalam menyokong konsep pendigitalan seperti berikut:

(i) Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)

Sistem Rangkaian Perpustakaan Digital Nasional atau lebih dikenali sebagai PERDANA dibangunkan sejak tahun 2000 bawah NITA (*National Information Technology Agenda*). Dalam merealisasikannya, setiap perpustakaan di negara ini, khususnya perpustakaan awam, perpustakaan akademik, perpustakaan khusus mempunyai peranan penting masing-masing. Kerjasama dan perkongsian sumber-sumber elektronik di kalangan perpustakaan perlu diperluaskan dari semasa ke semasa.

(ii) Pembangunan Kandungan Digital Tempatan

Di Perpustakaan Negara Malaysia sendiri, usaha mempergiatkan lagi usaha pendigitalan dan memperkayakan lagi kandungan digital tempatan dilaksanakan menerusi pembangunan portal sumber elektronik PNM yang kini boleh diakses di www.pnmdigital.gov.my. Portal ini mengandungi perkhidmatan pangkalan data seperti Encyclopedia Britannica Online, Credo Reference, akses kepada e-majalah Zinio, perkhidmatan peminjaman e-buku secara dalam talian menerusi Overdrive dan sebagainya.

Repositori digital bagi PNM menggunakan Dspace juga telah di bangunkan di mana ianya menghimpun dan kelak akan menyediakan akses kepada koleksi-koleksi unik PNM yang telah didigitalkan. PNM juga tidak ketinggalan telah membangunkan pelbagai kandungan digital dalam bentuk portal/laman web, demi memperkayakan sumber ilmu digital tempatan.





(iii) Perpustakaan Berteraskan ICT

Inisiatif Pustaka 1Malaysia atau u-Pustaka juga telah diperkenalkan sebagai usaha dan inovasi terbaru, di bawah Pelan Induk Jalur Lebar Negara di mana inisiatif ini, memberikan perkhidmatan perpustakaan kepada rakyat, dengan memanfaatkan teknologi jalur lebar negara.

Projek ini merupakan sinergi kolaborasi daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) menerusi Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dengan sokongan penglibatan 8 konsortium perpustakaan seperti PNM, Perpustakaan INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara), Pustaka Negeri Sarawak, Perpustakaan Negeri Sabah, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Selain menyediakan perkhidmatan peminjaman buku secara dalam talian serta khidmat penghantaran buku ke rumah menerusi Pos Laju, u-Pustaka turut menyediakan akses kepada sumber ilmu dan maklumat digital. Menyedari kepentingan literasi maklumat dalam, PNM dengan kerjasama Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah menyiapkan satu Modul Literasi Maklumat dan Media dengan mengambilkira perkembangan kandungan digital masa kini.

(iv) Konsortium Perkhidmatan Perpustakaan Digital

Dalam konteks menyediakan perkhidmatan perpustakaan secara digital, adalah penting bagi setiap perpustakaan di negara ini mengambil segala daya dan inisiatif untuk membangun dan menyediakan perkhidmatan perpustakaan secara digital di peringkat masing-masing. Ia hendaklah dilaksanakan secara terancang, sistematik dan bersepadu dengan mengambilkira keperluan pengguna, kemampuan serta perkembangan teknologi semasa. Pemilihan perkakasan, perisian, teknologi dan sistem perpustakaan digital yang bersesuaian hendaklah senantiasa diambilkira. Kerjasama di dalam membangunkan sesuatu inisiatif atau projek rangkaian perkhidmatan perpustakaan digital perlu dilaksanakan.





Teras Perkhidmatan

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN DAN PROFESION KEPUSTAKAWANAN BAGI PENYEDIAAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN YANG BERKUALITI

Usaha-usaha transformasi dalam konteks tadbir urus, infrastruktur, organisasi dan sumber manusia adalah elemen penentu kejayaan yang perlu diperkasakan dari semasa ke semasa. Ia penting bagi menyerlahkan lagi fungsi PNM sebagai peneraju pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan serta profesion kepustakawanan di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Punca kuasa seperti Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan sehingga 1 Januari 2006), Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan kehendak stakeholder hendaklah dilaksanakan secara efektif, kreatif dan inovatif dalam menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan bertaraf dunia yang menepati jangkaan dan kehendak masyarakat negara maju menjelang 2020 kelak.

OBJEKTIF:

1. Memperluaskan perkembangan perpustakaan di Malaysia setaraf dengan sistem perkhidmatan perpustakaan di dunia.
2. Memperkasakan kepimpinan dan profesion kepustakawan yang berkemampuan dan berprestasi tinggi.

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN					
Pemantapan tadbir urus perkhidmatan perpustakaan di Malaysia	1a. Memantapkan pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta: i. Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80)	(a) Bilangan Akta yang dipinda	2 dokumen pindaan pertama Akta	2014	PPK / Urus setia BPDK					
			1 dokumen deraf pindaan Akta terakhir Semakan PUU KPK	2015						
			1 Memorandum Jemaah Menteri (MJM)	2015						
			1 rang Akta dibentangkan di Parlimen	2016						
			1 Akta Perpustakaan Negara diwartakan dan dikuatkuasakan	2016						
	ii. Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan (Akta 331)	(b) Peningkatan penyerahan bahan bawah Akta 331	(c) Peningkatan kesedaran mengenai peranan PNM	(d) Peningkatan kesedaran penyerahan bahan untuk memelihara khazanah negara		(e) Bilangan Pekeliling Perkhidmatan Perpustakaan yang diterima pakai	2014 – 2018			
								Pekeliling Perkhidmatan Perpustakaan setahun		
									2014 – 2018	
										2014 – 2018
2014 – 2018										



STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	1b. Memantapkan pengurusan perpustakaan melalui penggubalan dan pemakaian standard / garis panduan:	Bilangan deraf dasar / garis panduan: (a) Dasar Maklumat Negara (b) Garis Panduan berkaitan perpustakaan	1 dokumen Dasar Maklumat Negara	2015	PPK / PMU
7 dokumen Garis Panduan berkaitan perpustakaan: Kemaskini:					
(a) Perpustakaan Gunasama Kem./ Jabatan			2014		
(b) Perpustakaan Desa			2014		
(c) Perpustakaan Masjid			2015		
Baharu: (a) Perpustakaan Komuniti			2015		
(b) Perpustakaan Awam			2016		
(c) Perpustakaan Akademik			2017		
(d) Pusat Sumber Sekolah			2018		
	1c. Memperluaskan pelaksanaan keputusan Jemaah Menteri ke arah menyelaraskan khidmat dan pengurusan sumber manusia Perpustakaan Awam Negeri di Malaysia 2005.	Bilangan Perpustakaan Awam Negeri yang bersetuju menerima keputusan Jemaah Menteri	3 PAN	2014 – 2018	PIM / PPK / KPSM/ Urus setia BPDK
	1d. Merancang dan menyediakan Pelan Induk Pembangunan Perpustakaan di Malaysia	Dokumen Pelan Induk Pembangunan Perpustakaan di Malaysia yang diterbitkan	1 dokumen Pelan Induk Perpustakaan di Malaysia	2014 – 2015	PIM/ BKNP/ Jawatankuasa Khas Peringkat Kebangsaan
	1e. Mempergiatkan khidmat nasihat dan perundingan dalam pengurusan perpustakaan	Bilangan laporan khidmat nasihat dan perundingan yang diterima pakai	10 Laporan khidmat nasihat dan perundingan setahun	2014 – 2018	PIM / Urus setia BKNP

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
		Peningkatan kualiti / <i>standard</i> perkhidmatan di perpustakaan yang diberi khidmat nasihat	50% peningkatan perpustakaan yang mencapai <i>standard</i>	2014 – 2018	
	1f. Mempergiat penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan: i. Merancang kajian dalam bidang kepustakawan:				
	• Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia	Bilangan kajian dan laporan yang diluluskan	1 kajian 1 laporan	2014	BPP
	• Kajian Analisis keperluan Perpustakaan Desa di Malaysia dalam mempengaruhi taraf sosio-ekonomi dan pembangunan masyarakat luar bandar	Bilangan kajian dan laporan yang diluluskan	1 kajian 1 laporan	2014	BPP / BRP
	• Kajian Impak Keberkesanan Perkhidmatan u-Pustaka	Bilangan kajian dan laporan yang diluluskan	1 kajian 1 laporan	2014	BPP / PERDANA / BRSP
	• Kajian Kompetensi Pustakawan	Bilangan kajian dan laporan yang diluluskan	1 kajian 1 laporan	2015	BPP
	• Kajian Keberkesanan Perkhidmatan KIK	Bilangan kajian dan laporan yang diluluskan	1 kajian 1 laporan	2015	BPP / PERDANA
	• Kajian Impak Kempen Membaca	Bilangan kajian dan laporan yang diluluskan	1 kajian 1 laporan	2016	BPP / BGLM
	• Kajian Keperluan Perkhidmatan Perpustakaan Kepada Generasi Y dan Z	Bilangan kajian dan laporan yang diluluskan	1 kajian 1 laporan	2017	BPP
	• Kajian Ketersediaan Kemudahan Internet di perpustakaan di Malaysia	Bilangan kajian dan laporan yang diluluskan	1 kajian 1 laporan	2018	BPP / BRSP

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	1g. Mempergiat penulisan dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan:				
	i. Meningkatkan hasil penulisan dan penerbitan Jabatan				
	• Buku	Bilangan buku yang diterbitkan	3 judul setahun	2014 – 2018	BPenerbitan
	• Jurnal	Bilangan jurnal yang diterbitkan	1 bagi satu judul keluaran setahun		
	• Terbitan majalah/ buletin secara dalam talian	Bilangan majalah/ buletin yang diterbitkan	3 keluaran bagi setiap judul setahun		
	ii. Meningkatkan aktiviti pemasaran penerbitan Jabatan melalui:				
	• Pesta Buku (2 pesta buku setahun)	Hasil jualan	RM 5,000 setiap pesta buku	2014 – 2018	BPenerbitan
	• Jualan Dalam Talian	Hasil jualan	RM 5,000 setahun		
	• Edaran di Kedai / Pengedar Buku secara <i>Consignment</i>	Hasil jualan	RM10,000 setahun		
	1h. Memperluaskan persepakatan pintar dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa:				Jabatan (Urus setia BPDK)
	i. Memperkukuhkan jaringan dengan perpustakaan luar negara dan badan antarabangsa	Bilangan institusi perpustakaan luar negara dan badan antarabangsa	10 buah	2014 – 2018	
	ii. Menjalinkan hubungan kerjasama dengan sektor korporat dalam negara	Bilangan badan korporat	5 badan korporat	2014 – 2018	

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	iii. Meningkatkan imej jabatan	Peratus kepuasan pelanggan	Melebihi 85% setiap tahun	2014 – 2018	
		Pencapaian Piagam Pelanggan	Melebihi 90% setiap tahun	2014 – 2018	
Pemantapan infrastruktur (fizikal) perpustakaan di Malaysia	2a. Merancang pembinaan bangunan baru PNM mengikut persekitaran semasa perpustakaan	Bilangan bangunan baharu PNM	1 bangunan	RMK-11	PIM / BRP
	2b. Memperluaskan perkhidmatan Perpustakaan Desa (PD) dan Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dengan pembinaan bangunan baharu atau menaiktaraf bangunan sediaada	Bilangan pembinaan bangunan baharu PD	5 PD	2014	PIM / BRP
			5 PD	2015	
		Bilangan pembinaan bangunan baharu PAN	4 PD	2016	
			1 Perpustakaan Awam Cawangan 1 Perpustakaan Awam Negeri		
			3 PD	2017	
	3 PD 1 Perpustakaan Awam Negeri	2018			
2c. Memperluaskan perkhidmatan perpustakaan komuniti dengan bantuan CSR syarikat korporat	Bilangan perpustakaan komuniti baharu yang ditubuhkan Bilangan syarikat yang menyumbang CSR	1 buah perpustakaan komuniti 5 syarikat	2014 – 2018	TKP / UPK	
Pemantapan pembangunan organisasi di bawah Skim Gunasama Perkhidmatan Perpustakaan	3a. Menyediakan Pelan Penggantian Kesenambungan pimpinan PNM	Pelan Penggantian yang diluluskan	1 Pelan Penggantian	Jun 2014	BKPSM
	3b. Menyediakan Pelan Penstrukturan Semula Jabatan	Pelan Penstrukturan Semula yang diluluskan oleh jabatan dan JPA	1 Pelan Penstrukturan Semula	Oktober 2014	BKPSM
	3c. Menyelaras gred perjawatan di bawah Skim Gunasama Perkhidmatan Perpustakaan	Norma perjawatan skim perpustakaan mengikut kapasiti Kementerian / Jabatan yang diterima <i>stakeholder</i>	1 dokumen norma perjawatan skim perpustakaan mengikut kapasiti Kementerian / Jabatan	Jun 2016	BKPSM / PIM

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	3d. Memantapkan program yang menjana budaya kerja berprestasi tinggi dan inovatif	Program budaya kerja berprestasi tinggi dan inovatif yang dipraktikkan	1 program SPK setahun	2014 – 2018	PPK
	1 program pengiktirafan kepada pekerja setahun				
	3e. Menyediakan Profil Kemajuan Kerjaya profesion kepustakawanan di bawah Skim Gunasama Perkhidmatan Perpustakaan (profiling).	Dokumen Profil Kemajuan Kerjaya Profesion Kepustakawanan yang diterima Jabatan	1 Dokumen Profil Kemajuan Kerjaya	Jun 2016	KPSM / BPSM
Pemeriksaan program kompetensi dan kemajuan profesion kepustakawanan di bawah Skim Gunasama Perkhidmatan Perpustakaan kepustakawanan di bawah Skim Gunasama Perkhidmatan Perpustakaan	4a. Membangunkan program kepakaran dan mengemaskini Pelan Operasi Latihan (<i>Training Roadmap</i>)	Bilangan Program Kepakaran bidang kepustakawanan	50 program Fungsional setahun	2014 – 2018	BPSM
			30 program Generik setahun		
			1 dokumen Pelan		
		Pelan operasi latihan yang diterima Jabatan	Operasi Latihan yang diluluskan	Jun 2015	BKPSM / BPSM
4b. Memantapkan program yang menjana budaya kerja berprestasi tinggi dan inovatif.	Program budaya kerja yang berprestasi tinggi dan inovatif yang dipraktikkan		1 program SPK	2014 – 2018	PPK
			1 program pengiktirafan kepada pekerja		
			1 program KIK		



2

Teras Perkhidmatan

MEMANTAPKAN PEMELIHARAAN KHAZANAH INTELEK NEGARA BAGI PENJANAAN ILMU

Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat penyerahan bagi terbitan tempatan berperanan memelihara khazanah intelek negara melalui penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan memantapkan pembangunan pembinaan koleksi untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang.

Pembangunan koleksi perpustakaan dalam bentuk elektronik diberi fokus utama bagi memastikan keperluan maklumat pelanggan dipenuhi melalui kerjasama dengan industri buku, penerbit, penulis di dalam dan luar negara.

Melalui penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan perolehan, PNM akan memperolehi bahan bacaan yang diperlukan oleh masyarakat dalam memastikan ketersediaan pembinaan koleksi negara bagi menepati pembangunan nasional.

Dalam meningkatkan industri penerbitan, PNM memberi rangsangan kepada penulis untuk bergiat aktif melalui peruntukan Dana Pembelian Terus Karya Penulis Tempatan. Bagi memelihara khazanah intelek negara, PNM mengambil langkah-langkah pemeliharaan koleksi bahan perpustakaan.

OBJEKTIF:

1. Memantapkan koleksi sumber maklumat negara yang komprehensif untuk rujukan masyarakat Malaysia
2. Memperkasakan pemeliharaan khazanah intelek Negara
3. Memantapkan tadbir urus sistem pengurusan pembinaan koleksi dan pendokumentasian rekod bibliografi bahan perpustakaan mengikut standard kebangsaan dan antarabangsa



STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Pengukuhan koleksi/ sumber maklumat negara menerusi aktiviti: i. Penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) ii. Pembelian iii. Hadiah dan pertukaran	1a. Meningkatkan pelaksanaan Penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)	Bilangan judul bahan yang diterima daripada penerbit	30,000 judul bahan	2014 – 2018	PPTN
		Peningkatan sumber rujukan maklumat negara	5% judul bahan setahun		
	1b. Mengukuhkan koleksi perpustakaan melalui pembelian serta hadiah dan pertukaran	Bilangan judul bahan yang diperolehi secara pembelian	11,000 judul bahan setahun	2014 – 2018	BKT
		Bilangan judul bahan yang diterima melalui hadiah dan pertukaran	3,500 judul bahan setahun		
		Peningkatan sumber rujukan kepada masyarakat	1.5% judul setahun mulai 2014		
	1c. Meningkatkan Koleksi Negara dalam bentuk digital bagi terbitan kerajaan dan surat khabar tempatan	Bilangan bahan didigitalkan		2014 – 2018	PPTN
		-Terbitan kerajaan	5000 judul Terbitan Kerajaan		
		-Surat Khabar	500 judul Surat Khabar		
		Peningkatan koleksi sumber rujukan maklumat negara untuk diakses secara atas talian	1% peningkatan sumber maklumat setahun		

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	1d. Meningkatkan sumber maklumat digital melalui langganan Pangkalan Data Dalam Talian dalam dan luar negara	Bilangan pangkalan data dilanggan	24 pangkalan data	2014	BKT
		Peningkatan bilangan sumber maklumat dalam talian untuk masyarakat	10% sumber maklumat digital setahun	2014-2018	
	1e. Meningkatkan koleksi rujukan Perpustakaan Desa	Bilangan judul diperoleh	550 judul setahun	2014-2018	BKT
		Peningkatan sumber rujukan untuk masyarakat luar bandar	30% judul setahun	2014-2018	
Pemantapan pengurusan pemuliharaan dan penyelenggaraan koleksi dan sumber maklumat negara	2a. Meningkatkan pemuliharaan dan penyelenggaraan koleksi dan sumber maklumat negara	Bilangan muka surat bernilai dipulihara	14,000 muka surat setahun	2014-2018	BP
		Bilangan jilidan	2,500 jilidan setahun		
		Bilangan bahan pertukaran format dan penyalinan mikroform	1,000 unit setahun		
		Peningkatan bilangan sumber maklumat untuk rujukan masyarakat	2% bahan yang dapat dipulihara (daripada 4 juta koleksi PNM)		
	2b. Meningkatkan kompetensi dalam pemuliharaan bahan	Bilangan kakitangan	6 kakitangan setahun	2014-2020	BPSM
		Peningkatan kompetensi kakitangan dalam pemuliharaan koleksi negara untuk masyarakat umum	100% peningkatan kompetensi kakitangan		
	2c. Memperkasakan Bahagian Pemuliharaan dengan perolehan peralatan yang berteknologi tinggi dan terkini	Bilangan kajian keperluan dan pasaran	1 kajian keperluan dan pasaran	2014-2015	BP
		Bilangan perolehan peralatan	1 mesin	2015-2018	
		Peningkatan hasil kerja pemuliharaan koleksi negara	50% bahan dapat dipulihara		



STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	2d. Menaiktaraf Bahagian Pemuliharaan sebagai Pusat Pemuliharaan Sumber Maklumat Negara	Bilangan projek yang dinaik taraf	1 projek naik taraf	2014-2016	BP
		Peningkatan ruang kemudahan pemuliharaan sumber maklumat negara	100% peningkatan ruang kerja		
	2e. Merancang pembinaan bangunan baharu bagi penubuhan Pusat Rujukan dan Penyimpanan Koleksi Negara	Kertas cadangan penubuhan Pusat Rujukan dan Penyimpanan Koleksi Negara	1 kertas cadangan	2014 (RMK-11)	PPTN
			1 bangunan baharu	2018	
		Peningkatan ruang penyimpanan Koleksi Negara	100% (50,000 kaki persegi kepada 100,000 kaki persegi)	2018	
	2f. Merancang penubuhan Pusat Pemuliharaan Bahan Khazanah Negara	Bilangan laporan kajian penubuhan PPBKN yang diluluskan oleh jabatan	1 laporan kajian	2014-2015	BP
Meningkatkan imej dan persekitaran makmal pusat pemuliharaan koleksi negara		Sebuah makmal pemuliharaan yang komprehensif serta yang memenuhi standard antarabangsa	2018		
Pemantapan pendokumentasian rekod bibliografi dan rekod indeks bahan perpustakaan selaras dengan standard kebangsaan dan antarabangsa	3a. Pendokumentasikan rekod bibliografi lengkap dan rekod indeks bahan perpustakaan berdasarkan standard kebangsaan dan antarabangsa	Jumlah rekod bibliografi yang disediakan mengikut standard	33,000 rekod	2014-2018	PBN
		Peningkatan akses sumber maklumat negara kepada masyarakat	30% akses sumber maklumat		

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	3b. Menerbit dan mengemaskini garis panduan / standard pendokumentasian bahan perpustakaan	Bilangan garis panduan / standard yang diterbitkan atau dikemaskini	3 standard	2014	PKNP/ PBN
	i. Panduan RDA Malaysia		- Panduan RDA Malaysia		
	ii. Tajuk Perkara Tempatan		- Tajuk Perkara Malaysia: Perluasan <i>Library of Congress Subject Heading</i>		
	iii. Standard Nama Malaysia		- Nama Perseorangan: Standard Entri Pengkatalogan Kebangsaan	2015	
	iv. Standard Badan Selembara		1 standard		
	v. Standard Senarai Simbol Perpustakaan Malaysia		- Nama Badan Selembara: Standard Entri Pengkatalogan Kebangsaan		
	vi. Standard Bibliografi Framework (<i>BibFrame</i>)		2 standard		
		- Standard Senarai Simbol Perpustakaan Malaysia - Standard Bibliografi Framework (<i>BibFrame</i>)			
		Peningkatan kualiti pendokumentasian bahan perpustakaan	90% peningkatan kualiti pendokumentasian	2014 – 2018	



3

Teras Perkhidmatan

MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT BAGI MENYOKONG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Perpustakaan Negara Malaysia berperanan sebagai pusat kecemerlangan sumber maklumat negara melalui perkhidmatan perpustakaan dan maklumat bagi memenuhi keperluan masyarakat serta menyokong penyelidikan ke arah membentuk masyarakat bermaklumat dan berilmu. Perkongsian sumber maklumat yang lebih komprehensif melalui kolaborasi di dalam dan luar negara bagi mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan serta melaksanakan program literasi maklumat dan media. Perkhidmatan Perpustakaan dirancang untuk dilaksanakan secara setempat ke arah merealisasikan matlamat Teras Strategik 3.

Transformasi perkhidmatan akan menjadikan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat kecemerlangan sumber ilmu dan perkhidmatan rujukan Malaysiana di peringkat serantau. Perpustakaan Negara Malaysia akan menyediakan perkhidmatan pinjaman secara elektronik dan capaian kandungan digital kepada pengguna.

OBJEKTIF:

1. Memperkasakan penyampaian perkhidmatan perpustakaan menerusi agenda transformasi perpustakaan digital
2. Meningkatkan kadar literasi maklumat masyarakat Malaysia menerusi program literasi maklumat yang bersepadu
3. Meningkatkan penggunaan koleksi perpustakaan menerusi program promosi perkhidmatan perpustakaan secara bersepadu dan menyeluruh

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN	
Pemantapan capaian koleksi yang lebih efisien dan cepat	1a. Mempertingkatkan penggunaan teknologi <i>RFID</i> dalam pengurusan koleksi PNM	Bilangan bahan perpustakaan yang dipasang tag <i>RFID</i>	30,000 naskah setahun	2014 – 2018	BMU/ PMM'siana / BPD /BPjm / BRSP	
		Kepuasan pelanggan meningkat sebanyak 50% setahun	50% aduan berkurang dalam setahun	2014 – 2018		
	1b. Meningkatkan perkhidmatan sirkulasi secara layan diri (<i>self service</i>) dengan menggunakan <i>self check machine</i> dan book drop	Bilangan <i>self check machine</i> dan <i>book drop</i> yang ditambah	2 unit <i>self check machine</i> 2 unit <i>book drop</i>	2014	BPjm / BRSP	
		Indeks kepuasan pelanggan meningkat	10% peningkatan setahun	2014 – 2018		
	1c. Meningkatkan perkhidmatan pinjaman berkelompok kepada perpustakaan institusi / komuniti luar	Bilangan bahan yang dipinjam	10,000 naskah setahun	2014 – 2018	BPjm	
		Bilangan institusi yang menjadi ahli pinjaman berkelompok	10 Institusi setahun	2014 – 2018		
		Meningkatkan jalinan persepakatan pintar dengan perpustakaan dalam dan luar negara bagi perkongsian maklumat melalui Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP)	Bilangan agensi yang menyertai PAP	20 Agensi setahun	2014 – 2018	PERDANA / BPD / PMM'siana / BMU / PMMe / BKP /BPjm
			Bilangan Bahan dikongsi	900 bahan setahun		
			Peningkatan peratus penggunaan sumber maklumat	10% setahun		



STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Pemantapan penyampaian perkhidmatan rujukan dan perujukan	2a. Meningkatkan kompetensi pustakawan rujukan dan petugas kaunter dalam penyampaian sumber maklumat	Bilangan pakar bidang yang terlatih (SME)	10 orang setahun	2014 – 2018	PERDANA / BPD / PMM'siana / BMU / PMMe / BKP /BPjm / BPSM
		Tahap kompetensi petugas kaunter meningkat	10% meningkat		
		Indeks kepuasan pelanggan meningkat	10% meningkat		
		Bilangan akses (hits) sumber elektronik	7 juta akses (hits)		
		Bilangan bahan dirujuk	10% peningkatan setahun	2015 – 2018	
	2b. Meningkatkan perkhidmatan rujukan kepada kumpulan khas yang memerlukan bantuan (OKU, Warga emas dll.)	Bilangan bahan - <i>talking book</i> yang disediakan	10 judul setahun	2014 – 2018	PMM'siana / BMU / BPD / PMMe / BKP /BPjm
		Bilangan pengguna	100 pengguna setahun		
		Indeks kepuasan pelanggan golongan khas meningkat	10% meningkat setahun		
	2c. Meningkatkan penerbitan hasil kajian manuskrip Melayu dan buku nadir untuk rujukan	Bilangan Sarjana Tamu yang dilantik	1 lantikan setiap 2 tahun	2014 – 2015	PMMe / PMM'siana
		Bilangan penerbitan kajian yang dihasilkan	1 penerbitan kajian setiap 2 tahun	2015 – 2018	
	2d. Meningkatkan kemudahan perkhidmatan kesetiausahaan secara sendiri di bahagian perkhidmatan	Bilangan gajet / <i>netbook</i> yang disediakan	100 unit	2014	BPD / BMU / PMM'siana / BTM / BRSP
		Bilangan lokasi / mesin yang disediakan	3 lokasi / 10 mesin		

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Penjenamaan semula reka bentuk hiasan dalaman persekitaran perpustakaan bahagian perkhidmatan	3a. Menaiktaraf ruang dan penambahbaikkan kemudahan perkhidmatan rujukan	Kaunter penasihat pembaca yang diwujudkan	2 kaunter	2014	PMU/ BKP / PMM'siana / BKPSM
	i. Kaunter penasihat pembaca : • Lobi Anjung Bestari • Pusat Maklumat Malaysiana Menara PNM				
	ii. Ruang Perkhidmatan BPD			2014 – 2015	PMU/ PERDANA/ BPD/BKPSM
	iii. Ruang Perkhidmatan Aras 3 dan 4 (BMU)			2014 – 2015	PMU/ BKPSM
	iv. Kaunter Aras 6, 7, 8 dan 9 Menara PNM			2015 – 2016	PMM'siana / BKPSM
	v. Ruang pameran Anjung Puisi • Aras 2 Anjung Bestari			2015 – 2016	PMM'siana / BKP/ BKPSM
	vi. Ruang penyelidikan koleksi nadir • Aras 10 Menara PNM				PMM'siana / BKPSM
	vii. Ruang penyelidikan dan galeri pameran Manuskrip Melayu • Aras 11 Menara PNM			2014 – 2015	PMMe / BKPSM
	viii. Mewujudkan bilik perbincangan kumpulan (<i>business centre</i>) • Aras 3 Anjung Bestari			2014 – 2015	BMU/ BKPSM
	ix. Menyeragamkan semua rak-rak buku di bahagian perkhidmatan			2015 – 2018	BMU/ PMM'siana / BPD / BPjm
x. Menaiktaraf ruang pinjaman Dewasa			2014 – 2015	BPjm / BKPSM	



STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	xi. Naiktaraf ruang hadapan Perpustakaan Kanak-Kanak (PKK) untuk <i>outdoor activity /play area</i> Kanak-kanak			2014 – 2015	BPjm / BKPSM
Pemeriksaan Perkhidmatan Perpustakaan berasaskan trend penggunaan masa kini	4a. Mewujudkan pusat rujukan dan perujukan Perpustakaan Kanak-kanak dan Remaja	Bilangan kertas konsep diluluskan	1 Kertas konsep	2014	BPjm / BKPSM
		Bilangan Persidangan	1 Persidangan	2015	
		Indeks kepuasan pelanggan perpustakaan kanak-kanak meningkat	5% meningkat		
	4b. Mewujudkan <i>Book Café @ Parents Friendly Corner</i> di kawasan luar belakang Perpustakaan Kanak-Kanak	Bil. Kertas cadangan	1 Kertas cadangan	2015	BPjm / BKPSM
		Bilangan <i>Book Café @ Parents Friendly Corner</i>	1 Buah	2015 – 2016	
		Indeks kepuasan pelanggan meningkat	5% meningkat		
Pemantapan program literasi maklumat secara bersepadu	5a. Melaksanakan program Literasi Maklumat dan Media (LMM) secara <i>Traning of trainers (TOT)</i>	Bilangan program LMM	60 sesi setahun	2014 – 2018	BPM/BPD/ BKP
		Bilangan peserta TOT yang dilatih	1800 peserta setahun		
	5b. Membangunkan LMM atas talian	Kertas cadangan diluluskan	1 kertas cadangan	2015	BPM / BKP / BPD / BMU/ PMM'siana/ BPjmn
		Bilangan portal yang dibangunkan	1 portal LMM		
	5c. Menyediakan Agenda Literasi Maklumat Negara	Bilangan e-Modul LMM	3 e-Modul yang digunapakai		
		Bilangan kertas cadangan	1 kertas cadangan	2014	
		Bilangan dokumen	1 dokumen diterima pakai		

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Pemantapan promosi produk , koleksi dan perkhidmatan rujukan PNM	6a. Mempromosi koleksi dan aktiviti perkhidmatan melalui <ul style="list-style-type: none"> Media sosial <ul style="list-style-type: none"> -Facebook -Twitter -Blog / Portal -Flicker -Youtube 	Bilangan promosi	24 kali setahun bagi setiap aktiviti	2014 – 2018	BPM / BKP / BPD / BMU/ PMM'siana/ B.Pjmn / Kumpulan Media Sosial Jabatan
		Peningkatan penggunaan sumber perpustakaan	10% meningkat setahun		
		Peningkatan pengunjung perpustakaan (maya dan fizikal)	10% meningkat setahun		
	• Media cetak				
	• Media Elektronik				
6b. Mempromosikan PNM sebagai destinasi pelancongan ilmu melalui kolaborasi dengan agensi pelancongan	Bilangan pelancong yang berkunjung ke perpustakaan Pelancong yang menggunakan perkhidmatan perpustakaan meningkat	5,000 orang pelancong 10% setahun	2014	BPM / BKP / BPD / BMU/ PMM'siana/ B.Pjmn / BPDFK	
6c. Merancang penyediaan kiosk maklumat bergerak "Read @ kiosk PNM" (cth: u-Pustaka, PNM digital, PNM i-play, dll) bagi tujuan promosi di tempat tumpuan orang ramai	Bilangan kertas cadangan yang diluluskan	1 Kertas cadangan	2016	B.Pjmn/ PMMe/ BKP / BPD /BMU/ PMM'siana / BKPSM	
6d. Mempromosikan perkhidmatan melalui pameran , persidangan dan seminar	Bilangan persidangan / seminar Bilangan pameran	1 persidangan / seminarsetahun 30 pameran setahun	2014 – 2018	PMMe/BKP/ PMM'siana/ BMU	



4

Teras Perkhidmatan

MEMPERTINGKATKAN KEMAMPUAN MAKLUMAT MELALUI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

Selari dengan transformasi perkhidmatan digital di sektor awam, PNM juga akan memberi fokus terhadap pemerkasaan perkhidmatan perpustakaan yang berteraskan pengaksesan maklumat secara digital. Konsep meremajakan perkhidmatan perpustakaan di seluruh negara akan memberi manfaat kepada masyarakat supaya mereka boleh berdaya saing di zaman globalisasi bagi memastikan penggunaan ICT sebagai satu elemen penting dalam tugas harian mereka. Perancangan strategi pembangunan perpustakaan digital PNM seharusnya dilaksanakan dengan penuh dedikasi bagi memastikan perkhidmatan perpustakaan digital dapat ditawarkan kepada masyarakat menjelang tahun 2020.

OBJEKTIF:

1. Mempertingkatkan infrastruktur dan infostruktur ICT dalam perkhidmatan PNM secara bersepadu
2. Memperluaskan kebolehcapaian sumber maklumat atas talian bagi memenuhi keperluan masyarakat dengan lebih efisien
3. Mempergiatkan pembangunan kandungan digital tempatan secara terancang dan komprehensif

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Memantapkan Pengurusan Perpustakaan Digital Secara Komprehensif dan Efektif	1a. Membangun dan melaksana Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan Komunikasi Jabatan (PSTM 2014 – 2020)				
	i. Melantik perunding ICT bagi memantapkan infrastruktur dan infostruktur ICT Jabatan	Bilangan khidmat perunding	1 Khidmat perunding ICT	2014	BTM
	ii. Menghasilkan laporan PSTM PNM 2014-2020	Bilangan laporan	1 laporan	2014	BTM
	iii. Melaksanakan PSTM PNM 2014-2020	Bilangan laporan pencapaian	6 Laporan pencapaian tahunan	2014 – 2019	Semua Bahagian
	iv. Kajian Semula PSTM PNM 2014 – 2020	Bilangan kajian semula	1 laporan pemantauan	2016	BTM
	1b. Mempertingkatkan dan memperluaskan Katalog Induk Kebangsaan (KIK) sebagai Gerbang Maklumat Negara				
	i. Kajian keberkesanan perkhidmatan KIK sedia ada	Bilangan	1 kajian	2014	BPP
	ii. Menyediakan Mobile Apps	Bilangan	1 aplikasi	2015	BTM/ BRSP/ BPPP/ PBN/ BKT
	iii. Menyediakan enjin carian pintar	Bilangan	1 enjin carian (<i>Federated searching tool</i>)	2015	BTM/ BRSP

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	iv. Meningkatkan keahlian konsortium KIK	Bilangan ahli	10% setahun	2014 – 2018	BPPP
	v. Meningkatkan rekod KIK	Bilangan rekod ditambah	10% setahun	2014 – 2018	BPPP/ BRSP/ BTM/ PBN
	1c. Mempertingkat dan memperluaskan perkhidmatan u-Pustaka ke seluruh negara				
	i. Kajian keberkesanan perkhidmatan u-Pustaka	Bilangan Kos	1 kajian RM200,000 (Akaun Amanah Jalur Lebar)	2014	BPP
	ii. Kajian kesesuaian (<i>Feasibility study</i>) ke atas perpustakaan yang akan terlibat dalam konsortium u-Pustaka	Bilangan	1 kajian	2014	BRSP/ BTM
	iii. Memperluaskan perkhidmatan u-Pustaka ke seluruh negara	Bilangan	2 PAN/ tahun	2015 – 2018	BRSP/ BTM/ BPPP
	iv. Meningkatkan keahlian u-Pustaka ke seluruh negara	Bilangan	10% setahun	2014 – 2018	BRSP
Memperkuh infrastruktur Dan Sistem Rangkaian Perpustakaan Digital	2a. Mempertingkatkan infrastruktur ICT PNM:				
	i. Menaiktaraf Pusat Data (KIK, u-Pustaka, PNM Digital, dll.)	Bilangan projek	1 projek	2015 – 2016	BTM/ BRSP
	ii. Menaiktaraf sistem rangkaian (<i>wifi bandwidth</i> PNM & perp. komuniti, <i>network security</i>)	Bilangan projek	1 projek	2015 – 2016	BTM/ BRSP
	iii. Menaiktaraf dan memperoleh peralatan dan aplikasi AV	Bilangan projek	1 projek	2014 – 2016	BTM/ BRSP/ BPD

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Pemantapan promosi produk , koleksi dan perkhidmatan rujukan PNM	2b. Membangunkan Makmal Pendigitalan Negara untuk bahan kajian				
	i. Menaiktaraf makmal pendigitalan (pengubahsuaian dan peralatan)	Bilangan projek	1 projek pendigitalan	2015	BPK/ BRSP/ BTM
	2c. Menyediakan medium storan (<i>storage server</i>) untuk simpanan koleksi digital secara berpusat				
	i. Melaksanakan perolehan medium storan	Bilangan	1 medium storan	2015	BTM/ BRSP/ BPK
	2d. Menyediakan platform e-depositori untuk penyerahan terbitan elektronik (bahan APB) – <i>borne digital</i>				
	i. Menjalankan kajian keperluan sistem e-depositori	Bilangan negeri	1 kajian Sistem	2015	BPK/ PPTN/ BTM/ BRSP
	ii. Melaksanakan perolehan e-depositori	Bilangan sistem dibangunkan	1 platform/ sistem e-depositori	2016	BTM/ BRSP/ BPK/ PPTN
	2e. Membangunkan Sistem Pengurusan Perpustakaan Desa (PD <i>Cloud</i>)				
	i. Melaksanakan perolehan Sistem Perpustakaan Bersepadu	Sistem perpustakaan bersepadu yang diperolehi	1 sistem perpustakaan bersepadu	2014	BRP/ BTM/ BRSP
ii. Melaksanakan perolehan Sistem Pemantauan PD	Sistem pemantauan PD yang diperolehi	1 sistem pemantauan PD	2014	BRP/ BKPSM/ BTM	



STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	2f. Mempertingkatkan prasarana ICT PD seluruh Negara				
	i. Kajian ketersediaan prasarana ICT PD di bawah pengurusan PNM	Laporan kajian ketersediaan prasarana ICT	1 Laporan kajian	2014	BPP/BRSP/BRP/BTM
	ii. Melaksanakan perolehan prasarana ICT	PD yang dilengkapi dengan prasarana ICT	200 buah PD 200 buah PD	2014 – 2015 2016 – 2017	BRP/ BTM/ BKPSM
	2g. Mewujudkan rangkaian perpustakaan <i>Library.Net</i> (<i>dedicated network</i> untuk Perkhidmatan perpustakaan di Malaysia)	Jaringan <i>Library.Net</i> yang berjaya diwujudkan	1 Jaringan <i>Library.Net</i>	2018	BTM/BRSP
	i. Melaksanakan kajian keperluan jaringan <i>Library.Net</i>	Laporan kajian keperluan <i>Library.Net</i> yang diterima pakai oleh jabatan	1 Laporan kajian	2014	
	ii. Melaksanakan pembangunan rangkaian <i>Library.Net</i>	Projek rangkaian <i>Library.Net</i> yang dibangunkan	1 Projek rangkaian <i>Library.Net</i>	2015 – 2016	
Memperkuh infrastruktur perpustakaan digital	3a. Membangunkan kandungan digital tempatan.				
	i. Melaksanakan pendigitalan koleksi PNM: <ul style="list-style-type: none"> Bahan bercetak kepada format digital (.pdf) -Koleksi Negara, Manuskrip Koleksi Peribadi, Koleksi Nadir, Terbitan PNM Menghasilkan buku audio (bahan bercetak kepada bahan audio digital) 	Bilangan muka surat didigitalkan Bilangan judul buku audio yang terhasil	110,000 muka surat setahun 10 Judul setahun	2014 2014	BPK BPD

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan bahan rakaman (analog) kepada format digital (DVD) Menambah kandungan digital dalam format <i>Borne digital (e-Pub, e-Book reader)</i> Membangunkan portal Web TV 	Bilangan judul bahan rakaman yang terhasil dalam format DVD	100 judul setahun	2014	BPD
		Bilangan judul terbitan digital	500 judul setahun	2015	BPK
		Bilangan portal	1 portal Web TV	2014	BPD
	3b. Mempertingkatkan system capaian maklumat digital:				
	i. Menaiktaraf versi sistem VIRTUA	Bilangan versi dinaiktaraf	1 versi setiap 2 tahun	2014 – 2016	BRSP
	ii. Melanggan aplikasi mobile untuk sistem VIRTUA (MozGo)	Bilangan aplikasi yang dilanggan	1 aplikasi mobile (MozGo)	2017 – 2018 (pembaharuan langganan)	BRSP
	iii. Menyediakan <i>Mobile Apps</i> u-Pustaka dan PNM Digital	Bilangan <i>Mobile Apps</i> yang disediakan	2 aplikasi	2015	BRSP
	iv. Menambahbaik <i>interface</i> portal PNM Digital	Bilangan penambahbaikan	1 reka bentuk <i>interface</i> baru bagi portal PNM digital	2014	BPK/ BRSP
	v. Menambah kandungan repositori digital (DSpace)	Bilangan judul	500 judul setahun	2014 – 2018 (pembaharuan langganan)	BPK/ BRSP



5

Teras Perkhidmatan

MEMUPUK BUDAYA MEMBACA BAGI MEMBENTUK MASYARAKAT BERILMU

Selaras dengan dasar negara untuk menggalak, memaju dan menanam tabiat membaca dalam kalangan masyarakat, Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Urus setia Kempen Membaca terlibat secara aktif dalam menyelaras dan melaksanakan program dan aktiviti kempen membaca secara agresif, kreatif dan bersepadu di seluruh negara. Program dan aktiviti yang diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan tahap pembacaan semua lapisan rakyat Malaysia yang terdiri daripada kanak-kanak pra sekolah, pelajar sekolah, remaja dan dewasa. Di samping itu, program galakan membaca bertujuan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu. Masyarakat Malaysia termasuk golongan istimewa dan golongan khas seperti pesakit di hospital, anak-anak yatim, golongan kurang upaya dan penghuni penjara tidak akan dipinggirkan.

Seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat, masyarakat didedahkan dengan pelbagai sumber maklumat dalam pelbagai format. Berdasarkan senario ini, trend pembacaan pada masa kini dijangka akan berubah. Perkembangan ini mampu memberi impak positif dalam mewujudkan budaya membaca yang tinggi di samping menjadi momentum penting kepada tahap literasi negara pada masa hadapan. Usaha yang berterusan akan dilakukan untuk memastikan tahap pembacaan dalam kalangan rakyat Malaysia setanding dengan negara maju.

OBJEKTIF:

1. Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca di kalangan masyarakat.
2. Memupuk minat dan amalan membaca di kalangan masyarakat Malaysia.
3. Meningkatkan tahap pembacaan rakyat Malaysia.
4. Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu.

STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Perancangan Pelan Program Gerakan Membaca Peringkat Kebangsaan secara bersepadu	1a. Menubuhkan Jawatankuasa Membaca Peringkat Kebangsaan	Bilangan kertas cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan	1 kertas cadangan 2 kali setahun	2014 2014 – 2018	PNM/ PAN/ PPM/ PERPUN/ PERPUSTAKAAN GUNA SAMA
	1b. Mengadakan memorandum persefahaman antara 4 kementerian yang berkepentingan iaitu:	Memorandum persefahaman Bilangan program	4 4	2014 – 2018 2014 – 2018	PNM KPM KKLW KPWKM KBS
	i. Kementerian Pendidikan Malaysia				
	ii. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah				
	iii. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat				
	iv. Kementerian Belia dan Sukan				
Memperkasakan Program Galakan Membaca peringkat kebangsaan melalui kolaborasi dengan agensi awam dan swasta	2a. Menganjurkan program galakan membaca secara inklusif dengan menasaskan penglibatan kumpulan berikut:	Bilangan kolaborasi	10 agensi setahun	2014 – 2018	BGLM/ BPjmn/ Perpustakaan Komuniti/ Perpustakaan Desa /PAN/ Agensi rakan strategik
	i. Prasekolah - menanamkan minat membaca seawal usia				



STRATEGI	PROGRAM TINDAKAN	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
	ii. Pelajar Sekolah - memberi kesedaran membaca				
	iii. Pelajar Institut Pengajian Tinggi – kaedah pencarian maklumat				
	iv. Penjawat Awam/ Swasta - untuk meningkatkan kompetensi				
	v. Masyarakat Luar Bandar – Memberi akses bahan bacaan				
	vi. Golongan Khas -memberi peluang untuk akses kepada bahan bacaan				
	vii. Kumpulan Etnik- untuk memastikan tidak dipinggirkan dari akses bahan bacaan				
Pemantapan Program Pembudayaan Tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat	3a. Menganjurkan program pembudayaan tulisan jawi kepada kumpulan sasar seperti berikut: i. Bukan Melayu ii. Buta Jawi iii. Masyarakat Umum iv. Pandai Jawi	Bilangan aktiviti yang dianjurkan Bilangan khalayak yang menyertai program	10 program setahun 5,000 khalayak setahun	2014 – 2018	PMM'siana/ Unit Jawi



Elemen Penentu Kejayaan Berdasarkan Tumpuan Strategik

1. Pemantapan Tadbir Urus

Masalah yang wujud sekarang ialah perkhidmatan perpustakaan dalam negara terlalu berasingan atau berseghmen Kuasa untuk pembangunan perpustakaan terletak atas pelbagai pihak iaitu, persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Pelan Strategik PNM menggariskan tumpuan dan fokus kepada usaha-usaha memperkasakan peranan PNM sebagai agensi pusat atau “*champion*” dalam pembangunan perpustakaan seluruh negara. Fungsi PNM bukan hanya sebagai agensi pelaksana semata-mata tetapi perlu bertumpu kepada isu-isu strategik seperti pengukuhan organisasi, pembangunan modal insan, profesion kepustakawanan, penguatkuasaan akta, penggubalan dasar, peraturan dan standard berkaitan perpustakaan serta hubungan antarabangsa.

2. Pembangunan Modal Insan PNM dan Kerjaya Pustakawan di Seluruh Negara

Dalam tempoh 5 tahun akan datang dijangka masyarakat dunia yang dikatakan sebagai *connected society* akan terdedah kepada pelbagai maklumat yang diterbitkan secara digital. Suasana ini menggambarkan suatu senario baharu yang perlu ditangani dan ditadbir urus dengan cekap dan berkesan oleh profesional kepustakawanan supaya pengurusan maklumat yang berkembang pantas dapat diselenggara untuk diakses oleh masyarakat sejagat.

Justeru, pelan tindakan bagi tempoh 2014 – 2018 akan menjurus kepada usaha memperkasakan profesion kepustakawanan dengan kepakaran strategik baharu seperti pengurusan teknologi digital, multimedia kreatif, perundangan siber dan strategi pemasaran maklumat digital.

Struktur dan fungsi PNM sudah pasti perlu diperkuatkan dan dilaksanakan penstrukturan semula dalam usaha mentransformasikan perkhidmatan perpustakaan di Malaysia. Didapati bilangan profesional yang bertugas di perpustakaan termasuk barisan pengurusan tertinggi PNM tidak mencukupi bagi menjalankan tugas-tugas di bawah skop pelan transformasi agenda negara.



3. **Pembangunan Infrastruktur dan Persekitaran Perpustakaan**

PNM akan meneruskan usaha membangunkan prasarana perpustakaan di luar bandar bagi memastikan masyarakat luar bandar dapat menikmati perkhidmatan perpustakaan dan mengakses maklumat secara dalam talian menjelang tahun 2020 dengan memperluaskan pembinaan bangunan Perpustakaan Desa baharu dan menaiktaraf bangunan Perpustakaan Desa sedia ada.

Rekabentuk dan hiasan dalaman bangunan PNM yang lebih menarik, selesa dan berkonsepkan futuristik serta persekitaran mesra ICT akan direalisasikan bagi menarik lebih ramai pengunjung ke perpustakaan. Ini merupakan senario reka bentuk perpustakaan masa kini yang terdapat di negara maju seperti *National Digital Library of Korea* dan *National Library Board, Singapore*.

4. **Memantapkan Pemeliharaan Khazanah Intelek Negara**

PNM sebagai pusat penyerahan bagi terbitan tempatan melalui penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) akan memberi tumpuan khusus dari segi penguatkuasaan, sistem penyimpanan dan pemeliharaan bahan.

Pelan strategik ini juga akan memberi fokus kepada pengurusan, pemeliharaan dan pemeliharaan bahan digital mengikut standard RDA. Kerjasama dengan penerbit, penulis dan penggiat industri buku akan dipertingkatkan dalam usaha meningkatkan industri penerbitan negara yang lebih dinamik dan berdaya maju selaras dengan strategi Dasar Industri Kreatif Negara. PNM juga akan terus menerbitkan bahan bacaan dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan bagi menyokong usaha ini.

5. **Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Rujukan Malaysiana**

Perkhidmatan Rujukan Malaysiana merupakan teras kepada perkhidmatan PNM. Justeru, dalam perancangan strategik ini satu transformasi penyampaian perkhidmatan perpustakaan yang berorientasikan pelanggan wajar dilaksanakan dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi RFID sepenuhnya. Ia akan memudahkan pelanggan mengakses maklumat secara sendiri menerusi perkhidmatan 24/7.

Transformasi perkhidmatan akan menjadikan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat kecemerlangan sumber ilmu dan perkhidmatan rujukan Malaysiana di peringkat serantau. Perpustakaan Negara Malaysia akan mempertingkatkan perkhidmatan pinjaman secara elektronik dan capaian kandungan digital kepada pengguna. Di samping itu, penambahbaikan perkhidmatan rujukan dan Modul Literasi Maklumat akan ditingkatkan dengan mempelbagaikan saluran penyebaran memandangkan terdapat saluran media baharu yang banyak berkembang di negara ini.

6. Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan Perpustakaan Digital

Dalam Pelan Induk Jalur Lebar Negara, platform rangkaian jalur lebar telah pun dapat dibangunkan di negara ini dengan sokongan dasar yang kuat oleh Kerajaan. Hasilnya, satu keadaan perluasan rangkaian atau 'ubiquity of networks' telah pun sedia wujud dengan liputan jalur lebar menghampiri 65% sekarang. Manakala Pelan Induk Malaysia Digital pula akan memacu penciptaan kekayaan Negara dan mempertingkatkan standard taraf kehidupan agar negara terus mara ke hadapan dan mencapai status ekonomi digital yang maju menjelang 2020. Justeru, apa yang diperlukan selanjutnya ialah usaha-usaha untuk memperkayakan sistem data atau 'ubiquity of data systems' terutamanya yang berkaitan dengan data-data Kerajaan.

PNM mengambil inisiatif untuk merealisasikan Pelan Digital Malaysia dengan melaksanakan penambahbaikan dalam sistem penyampaian dan pengaksesan maklumat menerusi penggunaan ICT sebagai satu "enabler". Pada masa yang sama PNM juga bertanggungjawab untuk memperkaya kandungan digital menerusi usaha-usaha pendigitalan. Dengan ini, nilai keseluruhan bahan-bahan yang terdapat dalam semua perpustakaan dalam negara dapat dimanfaatkan sepenuhnya. u-Pustaka yang dibangunkan bagi memenuhi keperluan maklumat rakyat Malaysia pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (24/7) akan terus dimantapkan dan diperluaskan dengan peningkatan sistem dan pertambahan ahli konsortium perpustakaan.

7. Galakan Membaca Menerusi Produk dan Perkhidmatan Perpustakaan

Promosi secara bersepadu dan berskala besar akan dilaksanakan bagi memperhebat program galakan di kalangan rakyat Malaysia. Penjenamaan semula kempen membaca dengan kolaborasi pelbagai sektor dan komuniti akan dilaksanakan bagi memberikan impak yang lebih besar kepada rakyat Malaysia dalam konteks pembacaan. Publisiti menyeluruh mengenai perkhidmatan dan produk perpustakaan akan digarap secara kreatif dan inovatif sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat. Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia akan dilaksanakan pada tahun 2014 bagi menilai keberkesanan kempen membaca yang dijalankan dalam tempoh 6 tahun yang lalu.



Penutup

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) selaku peneraju kecemerlangan pemodenan sektor perpustakaan di Malaysia perlu mengalas cabaran untuk menjana perkhidmatan perpustakaan sebagai sebuah entiti yang mantap dan cekap berteraskan teknologi komunikasi dan maklumat. Justeru, pentakrifan perkhidmatan perpustakaan perlu diperbaharui dengan menilai pencapaian melalui lensa keberhasilan dan impak.

Meniti di atas prinsip ini, Pelan Strategik PNM (2014 - 2018) menggariskan semula bidang tumpuan utama dan sasaran strategik selaras dengan tumpuan semasa kerajaan ke arah mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian. Pelan Strategik ini juga menyediakan mekanisme pembangunan dan perkembangan infrastruktur dan infostruktur bagi memastikan transformasi secara menyeluruh perkhidmatan Perpustakaan Negara dapat dilaksanakan menjelang 2020.

Bagi merealisasikan matlamat strategiknya sebagai peneraju berwibawa agenda transformasi perpustakaan di Malaysia, pemerksaan kapasiti dalaman PNM merupakan pra-terma atau faktor kejayaan kritikal yang perlu dipenuhi.

Dengan ini, PNM yakin Pelan Strategik yang dirancang mampu menyokong kerangka induk transformasi negara yang didokongi oleh empat tonggak utama iaitu Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; Program Transformasi Kerajaan; Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Merentasi premis utama prakarsa-prakarsa besar ini ialah usaha berterusan pemerksaan sektor awam selaku pemudah cara yang berkesan kepada sektor swasta dalam menerajui pertumbuhan ekonomi bagi mencapai satu matlamat iaitu menjadikan Malaysia sebagai negara maju sebagaimana diaspirasikan Wawasan 2020.

Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

t • +603 2687 1700

f • +603 2694 2490

e • webmaster@pnm.gov.my



ISBN 978-967-931-263-8



9 789679 312638